

# Cinta terhadap ilmu Jadi garis panduan utama UMS

Oleh SITI AISYAH NARUDIN  
aisyahub@gmail.com  
UB 27.06 2012 B3

**K**ECINTAAN terhadap ilmu, itulah garis panduan utama yang ditetapkan bagi meneruskan legasi kecemerlangan pendidikan di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Naib Canselor UMS, Prof. Dr. Mohd Harun Abdullah berkata, garis panduan itu mengutamakan kepentingan penataran ilmu bagi menjana kecemerlangan pelajar serta memantapkan lagi sistem tadbir urus universiti.

Menurutnya, UMS adalah institusi ilmu dan hanya individu yang benar-benar gemarkan ilmu akan kekal

bersama-sama.

“Hakikat urusan keilmuan pasti berubah sejajar dengan keperluan pembangunan dan dasar kerajaan.

“Sehubungan itu, UMS harus disediakan untuk keluar daripada zon selesa dan mencabar kemampuan sedia ada,” katanya ketika berucap menyampaikan amanat sulung sebagai Naib Canselor UMS Keempat di Dewan Canselor UMS, Isnin lepas.

Beliau berkata, apabila meletakkan matlamat kecemerlangan UMS sebagai agenda utama, usaha perlu dipupuk dan ditetapkan di minda tentang peranan yang boleh disumbangkan terhadap UMS.

Justeru jelasnya,

memperkasakan sumber insan perlu diterapkan menerusi disiplin dan sumbangan dalam aktiviti pembangunan keilmuan di setiap Jabatan, Sekolah, Pusat, Institusi, dan Unit (JSPIU) di UMS.

“Transformasi minda perlu dilakukan oleh semua staf sama ada pensyarah, pentadbir, dan kakitangan sokongan demi kecemerlangan universiti ini.

“Saya yakin, semua komponen pekerja di UMS adalah aset berharga dan mempunyai kepentingan yang sama,” katanya.

Harun turut menekankan budaya kerja berpasukan adalah tanggung yang penting dalam sesebuah institusi.

**HARUN (tengah) menjawab soalan semasa sidang media selepas majlis itu.**



**BARISAN pegawai utama UMS yang hadir dalam majlis itu.**

Jelasnya, setiap orang yang menjalankan tugas dengan sebaik-baiknya akan menerbitkan suasana kerja yang kondusif dan menggembirakan.

Justeru beliau berkata, setiap individu perlu berusaha untuk menyelesaikan cabaran yang mungkin timbul dan bukan menambahkan lagi masalah sedia ada.

“Setiap peraturan yang dibuat adalah untuk mengawal selia serta memudahkan prosedur penyampaian...bukannya

menyusahkan orang.

“Menghakimi dan mencari salah bukanlah tugas setiap orang di UMS ini kerana dunia ilmu sewajarnya berfungsi untuk mengasuh yang lemah menjadi bijaksana,” katanya.

Selain itu katanya, memantapkan bidang tujuan dan budaya akademik yang relevan turut menjadi keutamaan di UMS.

Menurutnya, perancangan setiap kursus akademik dan ko-kurikulum (kokum) UMS harus sentiasa dinilai

dan diperhalusi dari semasa ke semasa.

Dengan itu, beliau menyeru semua warga akademik untuk melihat semula kesesuaian kursus yang ditawarkan agar sentiasa relevan dengan keadaan semasa.

“Saya juga suka mengingatkan UMS sebagai institusi ilmu tidak pernah berhasrat menjadikan kegiatan keilmuan sebagai alat perdagangan atau menimbun kekayaan peribadi.

“Pendidikan di UMS

adalah suatu pelaburan jangka panjang untuk membangunkan ketrampilan pemikiran anak bangsa.

“Oleh itu, fokus kecemerlangan pendidikan tinggi tidak harus mengutamakan wang sebagai imbuhan, terutama yang dituntut dengan kerja-kerja syarahan,” katanya.

Beliau mahu satu mekanisme diambil agar habuan wang bukan lagi menghantui tenaga pengajar khususnya mereka yang ingin mengajar kursus Pusat Luar UMS (PLUMS).



**RUANG dewan canselor yang hampir dipenuhi oleh warga UMS yang hadir sempena amanat sulung naib canselor.**